

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8215**

**SOALAN:**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang dikerahkan untuk mengawal Perhimpunan Bersih 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 serta jumlah kos yang ditanggung oleh pihak PDRM untuk setiap perhimpunan tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Selaras dengan penganjuran perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, pihak polis telah membuat persiapan rapi bagi mengawal perhimpunan tersebut agar dapat berjalan lancar dan tidak menimbulkan sebarang kekacauan dengan menggerakkan keanggotaannya untuk mengawal situasi perhimpunan tersebut.**

**Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis telah menggerakkan seramai 191 orang pegawai dan 2,419 orang anggota lain-lain pangkat bagi mengawal sepanjang dua hari perhimpunan tersebut. Kos keseluruhan yang digunapakai adalah sebanyak RM 2,737,440.00.**

**Bagi Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, seramai 263 orang pegawai dan 3,648 orang anggota lain-lain pangkat telah terlibat secara langsung bagi mengawal perhimpunan tersebut dan kos keseluruhan adalah sebanyak RM 4,500,927.50.**

**Bagi kedua-dua penugasan yang terlibat, PDRM telah menggunakan semua elemen di dalam PDRM yang terdiri daripada keanggotaan IPD Dang Wangi, Cawangan Trafik, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Gerakan Am (PGA),**

**Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) dan Cawangan K9 JSJ dan lain-lain elemen. Kesemua elemen-elemen ini adalah di bawah kawal selia Ketua Polis Kuala Lumpur.**